

HSBC Malaysia RM Chat Terms and Conditions

1. You hereby agree that:

- HSBC Malaysia RM Chat involves the use of a third-party platform namely Symphony (the "Service Provider") which enables encrypted communication within WhatsApp.
- Any communication made by you with HSBC Bank Malaysia Berhad (Registration No. 198401015221 (127776-V)) ("HSBC Bank") and/or HSBC Amanah Malaysia Berhad (Registration No. 200801006421 (807705-X)) ("HSBC Amanah") (collectively referred to as the "Bank" or "HSBC" or "We" or "Our") using HSBC Malaysia RM Chat will be subject to:-
 - i. HSBC Bank and HSBC Amanah Universal Terms and Conditions ("UTCs"); and
 - ii. HSBC's Notice Relating to the Personal Data Protection Act 2010 which are available at www.hsbc.com.my and www.hsbcamanah.com.my; and
- Your communication with HSBC using HSBC Malaysia RM Chat will also be subject to these HSBC Malaysia RM Chat Terms and Conditions which govern your access to and use of HSBC Malaysia RM Chat and contain important information about how HSBC and the Service Provider will access and use your personal information for the purpose of enabling, maintaining and supporting this communication channel. Capitalized words and phrases used in these terms shall have the same meaning ascribed to them in UTCs, unless otherwise defined.
- Your use of HSBC Malaysia RM Chat is also subject to the terms of use and policies of the Service Provider as may be amended by the Service Provider from time to time, and you should ensure that you follow the Service Provider's terms of use and policies as well as those of HSBC.

You acknowledge that the types and scope of services that HSBC Malaysia RM Chat can perform for you are limited.

We have the right to vary these HSBC Malaysia RM Chat Terms and Conditions, and to enhance or adjust the scope of service, features and functions of HSBC Malaysia RM Chat services from time to time with reasonable prior notice in the manner we reasonably consider appropriate, including posting notice on Our websites, Online Banking, Mobile Banking App, notice via emails or electronic messages. The reason for variation, enhancement or adjustment may be due to changes to Our operation, business, technology or facilities We use, changes in law or regulations, new industry guidelines or codes of practices, or to facilitate corrections if any. We are not able to state all reasons why a variation, enhancement or adjustment may be needed in future, but if We vary any of the terms, We will make sure that it is reasonable with notice.

The variations shall be effective on the date specified in the notice and will apply to you if you continue to use HSBC Malaysia RM Chat after that date. You may cease to use HSBC Malaysia RM Chat at any time without notifying HSBC.

We make information about Our products and services available through HSBC Malaysia RM Chat. However, they should not be taken as an offer, solicitation, recommendation or advice. We shall not be considered as communicating any invitation, inducement, offer or solicitation to engage in banking, investment or insurance activity in any jurisdiction where such communication would be against the law or regulations. You should not consider or treat Our communications as such either.

2. You must not use or attempt to use HSBC Malaysia RM Chat services to:
 - adversely affect the reputation of HSBC or the Service Provider;
 - damage or interfere with HSBC Malaysia RM Chat services data, software, website or information technology systems of HSBC or the Service Provider;
 - send any offensive, inflammatory, defamatory, fraudulent or otherwise unlawful information; or
 - cause annoyance or inconvenience to HSBC or the Service Provider.
3. You acknowledge that We can terminate your use of HSBC Malaysia RM Chat services if We reasonably believe that you have breached these Terms and Conditions. You further acknowledge the followings in relation to any instruction that you may make through this HSBC Malaysia RM Chat services:
 - i. The Bank is not obliged to act upon any such instruction.
 - ii. Your instruction may not be acted upon until actually received and acknowledged by the Bank.
 - iii. Where the Bank receives an instruction after business hours or on a day which is not a Business Day, such instruction may only be acted upon on or after the next Business Day.
 - iv. Communication through a third-party messaging app can involve substantial risks including, but not limited to:
 - potential loss of confidentiality;
 - sending of Communications to a person not authorized to receive the same;
 - interception or hacking of your communication;
 - the manipulation of contents and/or the sender's phone number or other details;
 - non-original signatures in any communication may be forged; and
 - the loss of data or damage to hardware may be caused by viruses, bugs and/or other harmful or malicious script or software.
 - v. To the extent permitted by the law, HSBC will not be liable to you or any other party for any loss damage or claim suffered by you or any other party, arising from or connected with your use of HSBC Malaysia RM Chat, unless it is caused by the Bank's gross negligence or wilful default.
 - vi. Your information may be shared with the Service Provider for the purpose of enabling, maintaining and supporting those communication channels including HSBC Malaysia RM Chat.
 - vii. HSBC will retain a record of all communications with you via HSBC Malaysia RM Chat for quality and verification purposes for a period which We deem reasonable or necessary. Conversations may be disclosed to regulatory bodies if required to comply with applicable laws.
 - viii. If you are a non-Malaysia resident or you are located outside of Malaysia, the products and services made available to you through our instant messaging channels including HSBC Malaysia RM Chat may not be registered or authorized by any central bank, governmental or regulatory authority in your place of residence or location. As such, you may not be protected by the securities laws, banking laws, insurance laws, or other relevant laws and regulations in your place of residence or location for such products and services.

4. You are responsible for the security of your electronic devices and the information that you disclose via HSBC Malaysia RM Chat.
5. These Terms and Conditions are governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia. You agree to submit to the non-exclusive jurisdiction of the courts of Malaysia. You further agree that these HSBC Malaysia RM Chat Terms and Conditions may be enforced in the courts of any competent jurisdiction.

Important notes

If you do not agree with any of the terms and conditions set out above, please notify your Relationship Manager and do not continue to use HSBC Malaysia RM Chat.

Remember don't include or disclose any personal or sensitive information including your account and location. If you have provided your personal or sensitive information about yourself, your account or your location to HSBC, you authorise HSBC to collect, access, use, store and disclose your personal information in accordance with HSBC's Notice Relating to the Personal Data Protection Act 2010 and HSBC Malaysia RM Chat Terms and Conditions.

When utilizing HSBC Malaysia RM Chat, you may receive messages from HSBC from time to time. If you are not sure whether a message you received is genuinely from HSBC, you may contact your Relationship Manager via email or you may contact our 24-hour Premier Support Team for verification via:

- Local call number: [1300 88 9393](tel:1300889393)
- International call number: [+603 8321 5208](tel:+60383215208).

Issued by HSBC Bank Malaysia Berhad (Company No. 198401015221 (127776-V) & HSBC Amanah Malaysia Berhad (Company No. 200801006421 (807705-X)).

Terma dan Syarat HSBC Malaysia RM Chat

1. Anda dengan ini bersetuju bahawa:

- HSBC Malaysia RM Chat menggunakan platform pihak ketiga iaitu Symphony ("Penyedia Perkhidmatan") yang membolehkan komunikasi disulitkan menerusi WhatsApp.
- Sebarang komunikasi anda dengan HSBC Bank Malaysia Berhad (No. Pendaftaran 198401015221 (127776-V)) ("HSBC Bank") dan/atau HSBC Amanah Malaysia Berhad (No. Pendaftaran 200801006421 (807705-X)) ("HSBC Amanah") (secara kolektif dirujuk sebagai "Bank", "HSBC", "Kami") melalui HSBC Malaysia RM Chat akan tertakluk kepada:
 - i. Terma-terma dan Syarat-syarat Universal HSBC Bank dan HSBC Amanah ("UTC"); dan
 - ii. Notis HSBC mengenai Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, yang boleh didapati di www.hsbc.com.my dan www.hsbcamanah.com.my; dan
- Komunikasi anda dengan HSBC melalui HSBC Malaysia RM Chat juga tertakluk kepada Terma dan Syarat HSBC Malaysia RM Chat ini, yang mengawal selia akses serta penggunaan anda terhadap HSBC Malaysia RM Chat, dan mengandungi maklumat penting mengenai cara HSBC serta Penyedia Perkhidmatan mengakses dan menggunakan maklumat peribadi anda bagi tujuan membolehkan, mengekalkan serta menyokong saluran komunikasi ini. Perkataan yang menggunakan huruf besar dalam Terma dan Syarat ini mempunyai maksud yang sama seperti yang diberikan dalam UTC, kecuali jika dinyatakan sebaliknya.
- Penggunaan anda terhadap HSBC Malaysia RM Chat juga tertakluk kepada terma penggunaan dan dasar-dasar Penyedia Perkhidmatan sebagaimana yang boleh dipinda oleh Penyedia Perkhidmatan dari semasa ke semasa. Anda hendaklah memastikan bahawa anda mematuhi terma penggunaan dan dasar-dasar Penyedia Perkhidmatan tersebut, selain daripada terma dan dasar HSBC.

Anda mengakui bahawa jenis dan skop perkhidmatan yang boleh ditawarkan kepada anda melalui HSBC Malaysia RM Chat adalah terhad.

Kami berhak untuk meminda Terma dan Syarat HSBC Malaysia RM Chat ini serta menambah baik atau melaraskan skop, ciri dan fungsi perkhidmatan HSBC Malaysia RM Chat dari semasa ke semasa dengan notis awal yang munasabah, mengikut cara yang kami anggap wajar termasuk penyiaran notis di laman web Kami, Perbankan Dalam Talian, Aplikasi Perbankan Mudah Alih, notis melalui emel atau mesej elektronik. Pindaan, penambahbaikan atau pelarasan mungkin disebabkan oleh perubahan operasi, perniagaan, teknologi, atau kemudahan yang digunakan oleh Kami; perubahan dalam undang-undang atau peraturan; pengenalan garis panduan atau kod amalan industri baharu; atau bagi membetulkan sebarang kesilapan sekiranya ada. Kami tidak dapat menyatakan semua sebab bagi pindaan, penambahbaikan atau pelarasan yang dibuat di masa hadapan, namun sekiranya Kami membuat sebarang perubahan terhadap mana-mana terma, Kami akan memastikan bahawa pindaan tersebut adalah munasabah dan disertakan dengan notis.

Pindaan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam notis, dan akan terus terpakai sekiranya anda masih menggunakan HSBC Malaysia RM Chat selepas tarikh tersebut. Anda boleh berhenti menggunakan HSBC Malaysia RM Chat pada bila-bila masa tanpa perlu memaklumkan HSBC.

Kami menyediakan maklumat berkaitan produk dan perkhidmatan kami melalui HSBC Malaysia RM Chat. Walau bagaimanapun, maklumat tersebut tidak boleh dianggap sebagai tawaran, pelawaan, cadangan atau nasihat. Kami tidak boleh dianggap sebagai menyampaikan jemputan, galakan, tawaran atau pelawaan untuk menjalankan sebarang aktiviti perbankan, pelaburan atau insurans di mana-mana bidang kuasa yang mana penyampaian sedemikian adalah bercanggah dengan undang-undang atau peraturan.

2. Anda tidak dibenarkan menggunakan atau cuba menggunakan perkhidmatan HSBC Malaysia RM Chat untuk:
 - Menjejaskan reputasi HSBC atau Penyedia Perkhidmatan;
 - Merosakkan atau mengganggu data perkhidmatan HSBC Malaysia RM Chat, perisian, laman web atau sistem teknologi maklumat HSBC atau Penyedia Perkhidmatan;
 - Menghantar sebarang maklumat yang menghina, provokatif, berunsur fitnah, penipuan atau menyalahi undang-undang; atau
 - Menyebabkan gangguan atau kesulitan kepada HSBC atau Penyedia Perkhidmatan.
3. Anda mengakui bahawa kami berhak menamatkan penggunaan anda terhadap perkhidmatan HSBC Malaysia RM Chat sekiranya kami secara munasabah percaya anda telah melanggar mana-mana terma dalam Terma dan Syarat ini. Anda juga mengakui perkara berikut berkaitan dengan sebarang arahan yang anda berikan melalui HSBC Malaysia RM Chat:
 - i. Bank tidak mempunyai kewajipan untuk melaksanakan sebarang arahan tersebut.
 - ii. Arahan anda mungkin tidak akan dilaksanakan sehingga ia telah diterima dan diakui oleh Bank.
 - iii. Jika arahan diterima selepas waktu operasi atau pada hari bukan Hari Perniagaan, ia hanya akan diproses pada atau selepas Hari Perniagaan berikutnya.
 - iv. Komunikasi melalui aplikasi pemesejan pihak ketiga membawa risiko termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - Kehilangan kerahsiaan maklumat;
 - Penghantaran komunikasi kepada pihak yang tidak diberi kuasa atau dibenarkan untuk menerimanya;
 - Pemintasan atau penggodaman mesej;
 - Pengubahsuaian isi kandungan atau butiran penghantar;
 - Pemalsuan tandatangan; dan
 - Kehilangan data atau kerosakan peranti akibat virus, pepijat atau perisian berbahaya.
 - v. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, HSBC tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, kerosakan atau tuntutan yang dialami oleh anda atau pihak lain akibat penggunaan HSBC Malaysia RM Chat, kecuali jika ia adalah disebabkan oleh kecuai serius atau salah laku disengajakan oleh Bank.
 - vi. Maklumat anda boleh dikongsi dengan Penyedia Perkhidmatan bagi tujuan membolehkan, mengekalkan serta menyokong saluran-saluran komunikasi, termasuk HSBC Malaysia RM Chat.

- vii. HSBC akan menyimpan rekod semua komunikasi dengan anda melalui HSBC Malaysia RM Chat bagi tujuan kawalan kualiti dan pengesahan untuk tempoh yang kami anggap munasabah atau perlu. Perbualan boleh didedahkan kepada pihak berkuasa kawal selia sekiranya dikehendaki oleh undang-undang.
 - viii. Jika anda bukan pemastautin Malaysia atau berada di luar Malaysia, produk dan perkhidmatan yang ditawarkan melalui saluran pemesejan seperti HSBC Malaysia RM Chat mungkin tidak didaftarkan atau dibenarkan oleh mana-mana bank pusat, kerajaan atau pihak berkuasa tempatan di tempat pemastautin atau lokasi anda. Oleh itu, anda mungkin tidak dilindungi di bawah undang-undang sekuriti, perbankan, insurans atau undang-undang lain yang berkaitan dengan produk dan perkhidmatan sedemikian di tempat pemastautin atau lokasi anda.
4. Anda bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan peranti elektronik anda serta sebarang maklumat yang anda kongsi melalui HSBC Malaysia RM Chat.
 5. Terma dan Syarat ini ditadbir serta ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia. Anda bersetuju untuk mematuhi kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia. Anda juga bersetuju bahawa Terma dan Syarat HSBC Malaysia RM Chat ini boleh dikuatkuasakan di mana-mana mahkamah yang mempunyai bidang kuasa sewajarnya.

Makluman Penting

Sekiranya anda tidak bersetuju dengan mana-mana terma dan syarat di atas, sila maklumkan kepada Pengurus Perhubungan (Relationship Manager) anda dan hentikan penggunaan HSBC Malaysia RM Chat. Anda diingatkan supaya jangan sertakan atau dedahkan sebarang maklumat peribadi atau sensitif seperti nombor akaun atau lokasi anda. Jika anda telah memberikan maklumat tersebut kepada HSBC, anda dengan ini memberi kebenaran kepada HSBC untuk mengumpul, mengakses, menggunakan, menyimpan dan mendedahkan maklumat peribadi anda mengikut Notis HSBC mengenai Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan Terma dan Syarat HSBC Malaysia RM Chat ini.

Apabila menggunakan HSBC Malaysia RM Chat, anda mungkin akan menerima mesej daripada HSBC dari semasa ke semasa. Jika anda ragu-ragu tentang ketulenan mesej yang diterima, sila hubungi Pengurus Perhubungan anda melalui e-mel atau hubungi Pasukan Sokongan Premier 24 jam Kami untuk pengesahan di:

- Nombor tempatan: 1300 88 9393
- Nombor antarabangsa: +603 8321 5208

Dikeluarkan oleh:

HSBC Bank Malaysia Berhad (No. Syarikat 198401015221 (127776-V)) &
HSBC Amanah Malaysia Berhad (No. Syarikat 200801006421 (807705-X))